

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN
SEMPENA PERASMIAN PAMERAN KERJAYA KUKUM PADA 22 FEBRUARI
2005 BERTEMPAT DI RUANG LEGAR, BANGUNAN KWSP, KANGAR.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN
SALAM SEJAHTERA.

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN
REKTOR KUKUM,

YANG BERUSAHA TUAN HAJI RUSLI BIN ABD HAMID, PENDAFTAR KUKUM,

YANG BERUSAHA TUAN HAJI AYOB ISMAIL, BENDAHARI KUKUM,

YANG BERUSAHA PUAN HAJAH FOYZIAH AHMAD NASURUDIN, KETUA
PUSTAKAWAN KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

WAKIL-WAKIL MEDIA,

WARGA KERJA DAN MAHASISWA-MAHASISWI KUKUM YANG DIHORMATI
SEKALIAN.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANU WA TAALA KERANA DI
ATAS LIMPAH KURNIA, KASIH DAN SAYANG SERTA DENGAN IZIN-NYA
DAPAT KITA BERKUMPUL PADA HARI INI DI DALAM MAJLIS PERASMIAN
PAMERAN KERJAYA KUKUM 2005 YANG AKAN BERLANGSUNG SELAMA
TIGA HARI BERMULA PADA HARI INI.

TERLEBIH DAHULU, SAYA INGIN MENGUNJURKAN UCAPAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA AHLI JAWATANKUASA PROGRAM PAMERAN KERJAYA KUKUM 2005 INI KERANA DI ATAS USAHA GIGIH SERTA INISIATIF MEREKA YANG BERTUNGKUS-LUMUS DALAM MENCANAI IDEA, MENYUSUN RENCANA DALAM MELANGSUNGKAN PROGRAM INI.

SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH TERLIBAT SECARA LANGSUNG MAHUPUN TIDAK LANGSUNG DALAM MENJAYAKAN PROGRAM YANG SUDAH PASTI MEMBERIKAN BANYAK MANAFAAT KEPADA KITA SEMUA. TANPA SOKONGAN YANG PADU DARI ANDA SEMUA, MUSTAHIL APA YANG DIRANCANGKAN INI MAMPU MEMBUAHKAN HASILNYA.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

TUJUAN UTAMA PAMERAN KERJAYA KUKUM 2005 INI DIADAKAN ADALAH UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA PARA PELAJAR BAIK DI PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH DAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT) YANG TERDAPAT DI SEKITAR NEGERI PERLIS INI UNTUK MENGENALI DENGAN LEBIH DEKAT TENTANG UNIVERSITI INI SERTA PROGRAM-PROGRAM AKADEMIK YANG DITAWARKAN.

UMUM MENGETAHUI KUKUM ADALAH IPTA YANG PALING BONGSU DARI 17 BUAH IPTA YANG TERDAPAT DI NEGARA INI. KUKUM YANG TELAH PUN BERADA DI BUMI BERTUAH, INDERA KAYANGAN SEJAK TIGA TAHUN YANG LALU, MERUPAKAN SEBUAH UNIVERSITI YANG MEMFOKUSKAN HANYA DI DALAM BIDANG KEJURUTERAAN SAHAJA.

SISTEM PENDIDIKAN YANG TERDAPAT DI SINI AMAT UNIK KERANA IA BERBEZA SEPERTI APA YANG TERDAPAT DI UNIVERSITI-UNIVERSITI KONVENSIONAL YANG LAIN. IA MENITIKBERATKAN KEPADA 'HANDS-ON' DENGAN MEMBERI LEBIH PENEKANAN KEPADA AMALI. KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN JUGA MENYATUKAN TEORI DENGAN AMALI MENGIKUT KEPERLUAN DAN KEHENDAK INDUSTRI.

SAYA AMAT POSITIF GRADUAN-GRADUAN YANG BAKAL DILAHIRKAN KELAK OLEH UNIVERSITI INI ADALAH GRADUAN YANG SANGAT KOMPETEN DAN CEMERLANG KERANA MEREKA ADALAH JURUTERA YANG BERKEBOLEHAN DALAM MEREKABENTUK, MEMBUAT PERALATAN, MENGUJI DAN MENYELENGGARA SERTA MENGAPLIKASI SEBARANG KONSEP TEORI.

SEHINGGA KINI, KUKUM MENAWARKAN 10 BUAH PROGRAM KEJURUTERAAN DAN BILANGAN TERSEBUT AKAN BERTAMBAH KEPADA 12 BUAH PROGRAM PADA SESI PENGAMBILAN PELAJAR BARU PADA BULAN JUN INI. KUKUM AKAN MENAWARKAN DUA KURSUS BARU IAITU KEJURUTERAAN REKABENTUK INDUSTRI DAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN INSYALLAH JIKA TIADA ARAL MELINTANG, BEBERAPA BUAH PROGRAM BARU AKAN MENYUSUL KELAK.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

SAYA AMAT BERHARAP PARA PELAJAR YANG DATANG KE PAMERAN INI DAPAT MENGGUNAKAN PELUANG YANG SEDIA ADA UNTUK BERTANYAKAN APA JUA BENTUK SOALAN. BAIK CARA-CARA MENGISI BORANG PERMOHONAN KE IPTA, PROSES PINJAMAN PENDIDIKAN IAITU MELALUI TABUNG PTPTN, BIDANG KURSUS KEJURUTERAAN DAN

PELUANG-PELUANG PEKERJAAN SERTA INDUSTRI YANG LAYAK DIPOHON SETELAH TAMAT BELAJAR HINGGALAH KEPADA SUBJEK-SUBJEK YANG YANG DITAWARKAN SEPANJANG TEMPOH PENGAJIAN MEREKA DI UNIVERSITI INI.

SAYA AMAT SEDIH MELIHAT SENARIO SEGELINTIR PELAJAR LEPASAN SPM ATAU STPM YANG CENDERUNG MEMILIH SESUATU KURSUS DI SESEBUAH UNIVERSITI BERDASARKAN KEPADA POPULARITI KURSUS TERSEBUT, TERPENGARUH DENGAN RAKAN-RAKAN YANG LAIN, TIDAK TAHU MEMILIH KURSUS APA YANG SESUAI DENGAN KELAYAKAN AKADEMIK MEREKA ATAUPUN KERANA DORONGAN SERTA PAKSAAN OLEH PIHAK-PIHAK YANG TERTENTU .

PARA PELAJAR HARUS MEMIKIRKAN APAKAH KURSUS YANG DIPOHON KELAK MENAWARKAN BIDANG KERJA YANG RELEVAN DENGAN MASA SELEPAS MEREKA TAMAT PENGAJIAN KELAK. SEBAGAI CONTOH, BIDANG KEJURUTERAAN MASIH MENGALAMI KEKURANGAN TENAGA PEKERJA YANG SANGAT BANYAK DI DALAM NEGARA INI.

JUSTERU ITU JIKA ANDA SEMUA MEMILIH BIDANG KEJURUTERAAN, PELUANG UNTUK MENDAPATKAN PEKERJAAN SELEPAS TAMAT BELAJAR ADALAH AMAT CERAH. DATA TERBARU DARI JABATAN SUMBER MANUSIA BARU-BARU INI MENYATAKAN, NEGARA MALAYSIA MEMERLUKAN SEKURANG-KURANGNYA 200,000 ORANG JURUTERA MAHIR MENJELANG TAHUN 2020 SEDANGKAN JUMLAH JURUTERA YANG BERJAYA DIKELUARKAN OLEH IPTA DAN IPTS MALAYSIA SEHINGGA KINI CUMA LEBIH KURANG 40,000 ORANG SAHAJA. DI SINI LAH LETAKNYA KELEBIHAN KERJAYA DI DALAM BIDANG KEJURUTERAAN ITU SENDIRI.

PAMERAN KERJAYA KUKUM INI JUGA SECARA TIDAK LANGSUNG MEMBERI PELUANG KEPADA KUKUM UNTUK MERAPATKAN HUBUNGAN

SILATURRAHIM DENGAN MASYARAKAT AWAM. HUBUNGAN YANG ERAT INI AMAT PERLU DAN SANGAT PENTING DALAM PROSES PEMBANGUNAN UNIVERSITI INI KERANA TANPA MASYARAKAT AWAM, KUKUM TIDAK MAMPU BERJAYA SEPERTI HARI INI.

INSYALLAH, SAYA AKAN MEMASTIKAN LEBIH BANYAK PROGRAM UNIVERSITI DI MASA-MASA AKAN DATANG MEMBABITKAN MASYARAKAT AWAM BAIK DI PERINGKAT JKKK MAHUPUN ORANG PERSEORANGAN. SEBAGAI WARGA UNIVERSITI, KAMI AMAT PERIHATIN TERHADAP MASALAH-MASALAH DAN PERSOALAN-PERSOALAN SEJAGAT KERANA KUKUM TIDAK MAHU MELIHAT WARGANYA SEPERTI ENAU DI DALAM BELUKAR.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN, SAYA BAGI PIHAK KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA, INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH TERLIBAT MENJAYAKAN PROGRAM KAMI INI.

UCAPAN SYABAS DAN TAHNIAH JUGA DIKALUNGGAN SEKALI LAGI BUAT AHLI-AHLI JAWATANKUASA PROGRAM KHUSUSNYA KEPADA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, PUSAT-PUSAT PENGAJIAN, PUSAT KERJASAMA INDUSTRI YANG TELAH BERGABUNG TENAGA MENGANJURKAN PROGRAM YANG TELAH MENJADI TAKWIM WAJIB UNIVERSITI INI SETIAP TAHUN.

DENGAN UCAPAN BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM, SAYA DENGAN INI MERASMIKAN PAMERAN KERJAYA KUKUM 2005. SAYA SUDAH DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.

